

# KENYATAAN JUALAN LELONG KENDERAAN

KEW.PA-30



## KENYATAAN JUALAN LELONG ASET ALIH BAGI KENDERAAN RASMI LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA

- Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli kenderaan terpakai CIDB seperti di bawah :

BIL.	KETERANGAN ASET	NO. PENDAFTARAN KENDERAAN	HARGA JUALAN (RM)	DEPOSIT (RM)	TARIKH & MASA MELIHAT ASET (TIDAK DIWAJIBKAN)
1	NISSAN X-TRAIL 2.0L	WUS 3820	9,000.00		<p>05 Jun 2024 10.00 Pagi – 1.00 Tengah Hari</p> <p>Tempat : CIDB Negeri Kedah</p> <p>PIC :</p> <ul style="list-style-type: none"><li>1. Wan Faizal Bin Wan Ismail</li><li>2. Zuhaili Binti Abd Razak</li></ul>
2	NISSAN X-TRAIL 2.0L	WWL 5547	18,000.00	1,000.00	<p>05 Jun 2024 10.00 Pagi – 1.00 Tengah Hari</p> <p>Tempat : CIDB Negeri Johor</p> <p>PIC :</p> <ul style="list-style-type: none"><li>1. Ikmal Hakim Bin Jamil</li><li>2. Siti Mahani Binti Mohamad Yusof</li></ul>

Jadual 1

- Maklumat iklan jualan lelong kenderaan CIDB Malaysia :

Tarikh Iklan Lelongan	:	27 Mei 2024 – 07 Jun 2024
Tarikh Bayaran Deposit	:	27 Mei 2024 – 07 Jun 2024 9.00 Pagi – 4.00 Petang
Tarikh Pendaftaran Pembida	:	27 Mei 2024 – 07 Jun 2024 9.00 Pagi – 4.00 Petang
Tarikh Membida Jualan	:	12 Jun 2024 10.00 Pagi – 4.00 Petang
Tarikh Pembayaran Pembida Berjaya	:	19 – 25 Jun 2024 9.00 Pagi – 4.00 Petang
Tarikh Pengambilan Aset	:	19 – 25 Jun 2024 9.00 Pagi – 4.00 Petang

**SYARAT DAN PERATURAN LELONGAN ASET ALIH**

1. Aset yang akan dilelong adalah tertakluk kepada harga yang telah dipersetujui oleh Pegawai Pengawal.
2. Pembida yang berminat untuk menyertai lelongan perlu mendaftar secara dalam talian melalui sistem e-lelong CIDB (<http://lelong.cidb.gov.my>) dengan mendaftar maklumat seperti yang diminta.
3. Bayaran deposit RM1,000.00 adalah bayaran bagi mendapatkan akses dan memasuki sistem e-lelong.
4. Pembida yang telah membuat bayaran deposit RM1,000.00 adalah dibenarkan untuk membida mana-mana kenderaan namun dilarang sama sekali 'joy buyer / bidder' semasa sesi lelongan sedang berlangsung.
5. Pembida adalah diingatkan untuk membida mengikut keperluan kerana sekiranya pembida berjaya membuat bidaan untuk lebih daripada satu (1) kenderaan, pembida wajib membuat belian bagi kenderaan-kenderaan yang telah berjaya dibida.
6. Penawar harga tertinggi adalah pembida yang berjaya. Jika terdapat isu berbangkit mengenai jualan lelong, Unit Pengurusan Fasiliti (UPF) berhak untuk menentukan semula tindakan lanjut bagi lelongan tersebut.
7. UPF berhak mengubah senarai aset dalam sistem e-lelong dan menarik balik mana-mana aset daripada senarai tersebut.
8. Pembida adalah diminta untuk membuat semakan aset terlebih dahulu sebelum aktiviti bidaan dilaksanakan (jika perlu). Namun, pembida masih boleh melihat gambar semasa aset yang disediakan dalam sistem e-lelong. (**Penafian : Gambar ini mungkin berbeza dengan keadaan asal**)
9. Kesemua aset yang dilelong adalah aset yang telah digunakan (*used*) di pejabat.
10. Harga yang ditawarkan oleh pembida tidak boleh kurang daripada Harga Jualan seperti mana di Jadual 1.
11. Semua kenderaan adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
12. CIDB adalah tidak bertanggungjawab ke atas kenderaan yang telah dijual.
13. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian kenderaan tersebut seperti kos mengangkut, caj pertukaran hak milik dan sebagainya hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh pembida sendiri.

## KENYATAAN JUALAN LELONG KENDERAAN

KEW.PA-30

14. Pembida yang berjaya hendaklah :

- a. Membuat pembayaran penuh dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh berjaya dibida atau suatu tarikh yang ditetapkan oleh UPF. Pembayaran hendaklah dibuat berdasarkan harga yang telah berjaya dibida. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh ditetapkan, deposit tidak akan dikembalikan dan UPF berhak melakukan tindakan lanjut bagi kenderaan tersebut.
- b. Jika dalam tempoh tersebut pembida berjaya tidak dapat menjelaskan bayaran, tawaran akan ditawarkan kepada pembida kedua (2) yang berjaya dan dituruti kepada pembida seterusnya mengikut susunan pembida berjaya.
- c. Mengambil kenderaan dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Sekiranya gagal mengambil dalam tempoh yang telah ditetapkan, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan CIDB berhak melupuskan aset tersebut tanpa pemakluman kepada pembida.
- d. Sekiranya pembida berjaya memenangi lebih daripada satu kenderaan, bayaran kenderaan pertama akan dilakukan perlarasan dengan penolakan sebanyak RM1,000.00 berdasarkan bayaran deposit. Bagi kenderaan seterusnya pembida berjaya perlu membuat bayaran penuh tanpa penolakan bayaran deposit.
- e. Bagi pembida yang berjaya tetapi menolak bidaan akan :
  - i. disenaraihitamkan bagi sesi lelongan seterusnya;
  - ii. bayaran deposit tidak akan dikembalikan.
- f. Memastikan urusan pertukaran hak milik adalah di bawah tanggungjawab pembida berjaya sepenuhnya.

15. Bayaran deposit :

- a. Pembayaran deposit adalah sebanyak RM1,000.00 (Rujuk jadual 1).
- b. Maklumat Pembayaran :

<b>Atas nama</b>	: Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia
<b>Bentuk Bayaran</b>	: Bank Deraf
<b>Alamat Penerima</b>	: Bahagian Kewangan & Akaun, Tingkat 15, CIDB 520, The MET Corporate Towers No. 20, Jalan Dutamas 2 50480 Kuala Lumpur.

## KENYATAAN JUALAN LELONG KENDERAAN

KEW.PA-30

- c. Pembida perlu mengemukakan bank deraf kepada CIDB sebagai bukti kepada UPF bagi mendapatkan akses ke sistem e-Lelong.
  - d. Tawaran tanpa/kurang deposit adalah tidak akan dipertimbangkan.
  - e. Bagi pembida yang tidak berjaya, deposit akan dikembalikan selepas pembida berjaya membuat bayaran penuh.
16. Tarikh tutup lelongan adalah pada **12 Jun 2024** sebelum jam 4.00 Petang.
17. Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila email kepada [aset@cidb.gov.my](mailto:aset@cidb.gov.my).



(FAZILAH MUSTAFA)

Ketua Unit

Unit Pengurusan Fasiliti

Sektor Dasar & Korporat

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia